



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Rujukan Kami : JPA.BK(S)134/8/93 s.k.2 (7)

Tarikh : 27 Disember 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN BERIKUTAN SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) pada 1 Januari 2012, pegawai perlu melalui Program Bersepadu Potensi dan Kompetensi (PROSPEK) dan melepasi tahap yang ditetapkan sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

3. Pegawai yang kenaikan pangkatnya secara *time-based* dan layak dinaikkan pangkat sebelum SBPA serta pegawai yang memangku sebelum pelaksanaan SBPA, pegawai dikecualikan daripada PROSPEK bagi urusan kenaikan pangkat yang berkenaan. Penetapan tarikh kenaikan pangkat pegawai adalah ditetapkan mulai tarikh memangku atau tarikh lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) atau pada 1 Januari 2011 (bagi yang tidak melepasi PTK), mana yang terkemudian atau tarikh lain yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat yang berkuat kuasa.

4. Pegawai yang dinaikkan pangkat mengikut perenggan 3 di atas dan menerima opsyen SBPA, gred dan gaji kenaikan pangkat hendaklah diselaraskan ke gred dan gaji di bawah SBPA yang setara. Manakala pegawai yang tidak menerima opsyen SBPA, pegawai akan kekal di gred dan gaji kenaikan pangkat di bawah sistem saraan yang ia berada sebelum SBPA.


5. Pegawai yang telah diluluskan sebagai **calon simpanan** dan pegawai yang **diluluskan pemangkuan tetapi belum ditempatkan atau belum melapor diri ke jawatan kenaikan pangkat**, tempoh sah kelulusan ini adalah sehingga **31 Disember 2011**. Selepas tarikh tersebut, pegawai boleh dipertimbangkan semula untuk pemangkuan/kenaikan pangkat mengikut syarat kenaikan pangkat di bawah SBPA.

6. Keputusan ini adalah terpakai untuk urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 2010 [P.U.(A) 75/2010] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran, 2010 [P.U.(A) 24/2010]. Keputusan ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing.

7. Keputusan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

s.k. :

Semua Pihak Berkuasa Melantik
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan